



# Seminar Pemikiran Tun Dr. Mahathir: Aspirasi Kepimpinan Difahami

Sempena Istiadat Konvokesyen Khas bagi penganugerahan Ijazah Kehormat Ulung kepada Y.A.Bhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Y.A.Bhd. Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Unit Kajian Strategik, Jabatan Pendaftar dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Seminar Pemikiran Tun Dr. Mahathir pada 8 Mac 2011 bertempat di Dewan 2020, Kangar. Objektif utama seminar ini diadakan adalah untuk berkongsi pengalaman sahabat-sahabat dan tokoh-tokoh yang pernah bersama dengan Tun Dr. Mahathir baik dalam politik maupun kerajaan.

Seminar sehari ini membincangkan empat topik utama iaitu a) Mahathir : Dari kaca mata sahabat yang disampaikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Sanusi Junid, b) Politik & Hubungan Antarabangsa: Perspektif Mahathir yang dibincangkan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Shamsuddin dan. Y.Bhg. Datuk A. Kadir Jasin, c)Dasar-dasar Kerajaan yang dikongsikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Nordin Kardi dan Jen (B) Dato' Lt. Jen. (B) Dato' Seri Zaini Mohd Said. Di penghujung seminar, sahabat Tun Mahathir, Y.Bhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Hj. Khalid Hj. Abdullah turut berkongsi pengisian mengenai beliau.

Seminar yang julung kali diadakan ini berjaya menghimpunkan 2,349 orang peserta yang terdiri dari para peserta RPS - Wacana Sosial UniMAP, Pelajar IPTA Perlis/Kedah, peserta PLKN, staf jabatan kerajaan, pemimpin masyarakat termasuk warga UniMAP sendiri. Program ini berjaya memberikan intipati terbaik kepada peserta dalam memahami aspirasi Tun Dr. Mahathir sebelum, semasa dan selepas era pemerintahannya.



Seminar yang dirasmikan oleh Yang Berusaha En. Zuber Hj. Mohamad, Pemangku Pendaftar yang mewakili Naib Canselor turut dianjurkan bersama oleh Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir, UUM, Biro Tatanegara JPM Negeri Perlis dan Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Perlis.

**Sumber : Unit Kajian Strategik**